

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]**

TARIKH : 30 MAC 2016 (RABU)

SOALAN : 65

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perkembangan pelaksanaan menara komunikasi yang dilaksanakan dan berapa buah menara yang dirancangkan untuk kawasan Parlimen Lawas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan sebanyak 203 buah menara komunikasi di negeri Sarawak di samping sebanyak 149 buah menara komunikasi sedang dalam peringkat pelaksanaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4 buah menara komunikasi telah dilaksanakan di Parlimen Lawas manakala, sebanyak 6 buah menara komunikasi masih sedang dalam peringkat pelaksanaan.